Tinjauan Makroekonomi

SOROTAN

- Ekonomi global diunjurkan pulih pada tahun 2021, tetapi bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi lebih rendah.
- Ekonomi Malaysia dijangka mencatatkan pemulihan.
- Inflasi keseluruhan dijangka lebih tinggi pada tahun 2021.

Pemulihan global yang tidak menentu

Dalam *World Economic Outlook* bulan Oktober, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah membuat semakan semula unjuran pertumbuhan global bagi tahun 2020 kepada -4.4% (unjuran pada bulan Jun: -4.9%). Semakan semula ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih baik daripada jangkaan, khususnya dalam ekonomi maju, susulan pasaran pekerjanya yang mengalami pemulihan lebih cepat daripada jangkaan.

Bagi tahun 2021, IMF membuat unjuran bahawa ekonomi global akan berkembang sebanyak 5.2%. Namun, prospek ini sangat bergantung pada perkembangan mengenai penyelesaian pandemik COVID-19. Oleh itu, penularan semula kes COVID-19 merentas ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun baru-baru ini telah mewujudkan risiko prospek pertumbuhan menjadi lebih rendah. Beberapa ekonomi utama telah melaksanakan semula langkah-langkah pembendungan dan turut menangguhkan rancangan untuk membuka semula ekonomi. Langkah-langkah ini akan menjejaskan prospek pertumbuhan pada suku keempat tahun 2020 serta momentum pemulihan menjelang tahun 2021. Walaupun tahap pelaksanaan langkah-langkah pembendungan baru-baru ini tidak seketat yang dilaksanakan pada suku kedua, penghindaran risiko yang lebih tinggi akan melemahkan permintaan sektor swasta dan menjejaskan pertumbuhan.

Ekonomi Malaysia berada pada landasan pemulihan setelah berada pada paras terendah pada suku kedua tahun 2020

Pada suku ketiga, ekonomi Malaysia meningkat dengan ketara susulan pelonggaran langkah-langkah pembendungan secara beransur-ansur di seluruh negara, di samping sokongan daripada keadaan permintaan luaran yang lebih baik. Penularan semula kes-kes COVID-19 baru-baru ini dan langkah-langkah pembendungan bersasar di kebanyakan negeri dijangka boleh menjejaskan momentum pertumbuhan pada suku keempat tahun 2020. Walau bagaimanapun, memandangkan kebanyakan sektor ekonomi telah dibenarkan untuk terus beroperasi, iaitu tertakluk pada prosedur operasi standard (SOP) mengikut sektor, kesannya tidak akan seteruk seperti tindakan pembendungan pada tempoh sebelum ini.

Pada tahun 2021, pertumbuhan dijangka semakin pulih dengan memperoleh manfaat daripada permintaan global yang bertambah baik dan limpahan ke sektor-sektor dalam negeri, di samping sokongan dasar yang berterusan, termasuk langkah-langkah rangsangan KITA PRIHATIN dan Belanjawan 2021 yang dilaksanakan baru-baru ini. Pengeluaran yang lebih tinggi daripada fasiliti yang sedia ada dan baharu turut menyumbang kepada pemulihan ini. Walau bagaimanapun, kadar pemulihan adalah tidak sekata merentas sektor dan beberapa industri dijangka kekal di bawah paras sebelum pandemik dan pasaran pekerja juga dijangka pulih dengan kadar yang lebih perlahan.

Keseimbangan risiko cenderung kepada pertumbuhan yang rendah, disebabkan terutamanya oleh ketidakpastian yang berterusan berhubung dengan wabak COVID-19 di dalam dan luar negeri. Walau bagaimanapun, ekonomi boleh mendapat manfaat daripada kesan positif yang lebih besar daripada jangkaan, yang terhasil daripada pelbagai langkah rangsangan, di samping pemulihan ekonomi global yang lebih baik daripada jangkaan.

.

Purata inflasi keseluruhan pada tahun 2021 diunjurkan lebih tinggi

Purata inflasi keseluruhan tahunan dijangka negatif pada tahun 2020. Bagi tempoh tahun 2020 selebihnya, inflasi keseluruhan tahunan akan mencerminkan terutamanya sumbangan daripada harga runcit bahan api yang lebih rendah, disebabkan oleh harga minyak dunia yang merosot, serta rebat tarif elektrik berperingkat yang masih dilaksanakan sehingga akhir tahun 2020.

Pada tahun 2021, purata inflasi keseluruhan dijangka lebih tinggi, disebabkan terutamanya oleh harga minyak dunia yang diunjurkan lebih tinggi dan luputnya kesan daripada rebat tarif elektrik berperingkat. Inflasi asas dijangka sederhana dalam keadaan lebihan kapasiti dalam ekonomi. Prospek inflasi adalah tertakluk pada ketidakpastian, dengan trajektorinya bergantung terutamanya pada perkembangan harga minyak dan komoditi dunia.